



财经新闻

马来西亚内陆税收局 全面强制实施STAMPS

2024年02月28日



为了提升客服水平，内陆税收局已规定从2024年1月1日起使用电子服务（e-Services）。

此强制性举措自2023年9月1日起分阶段实施，内陆税收局客服人员将协助前往内陆税收局客服柜台的纳税人，过渡到电子服务，以确保纳税人能更轻松、安全且快速地使用电子服务，提高内陆税收局对客户的服务效率。

缴税方面，内陆税收局通过ByrHASiL使用线上支付，确保交易的安全性和规范性。

另一项必须使用电子服务的印花税评估及缴付系统（STAMPS），将为评估和缴付印花税提供便利。

2017年7月16日推出的增强版STAMPS采用新技术和新功能，为用户在办理线上制作文件印章提供便利和帮助。

该系统所改进的服务包括通过电邮通知盖章申请状态及添加“追踪”功能，同时引入单一用户ID的使用，以适应不同角色的需求，并在用户之间共享交易记录。

内陆税收局表示，自2024年1月1日起停止使用印花税票贴纸和邮资盖印机，是该局采取的过渡措施，以强制在评估和缴纳印花税时使用STAMPS服务。

印花税票贴纸和邮资盖印机	VS	印花税评估及缴付系统 (STAMPS)
贴在/盖章在文件/协议上以作为缴纳印花税的证据。		印花证书作为缴纳印花税的证据。
需前往内陆税收局办公室/服务柜台申请。		通过 https://stamps.hasil.gov.my 线上申请和缴纳印花税。
只限工作日/时间。		24/7 全天候适用。
可通过 STAMPS 网站验证邮资盖印机盖章的真实性。印花税票贴纸只能人工验证		可通过 STAMPS 官网或适用手机应用程序扫描二维码即可验证印花证书真伪。
无印花税申请状态。		提供追踪功能以实时监督申请状态。纳税人也将通过电邮通知最新的申请状态。
需到内陆税收局办公室/服务柜台进行缴纳。		可通过 FPX 或 CIMB Biz Channel 及大众银行官网进行线上支付。
体力和人工性质。		促进线上评估和缴纳印花税的数字平台。

所有交易均可通过STAMPS官网<https://stamps.hasil.gov.my> 线上完成，无需前往内陆税收局柜台。

拥有所得税档案的个人，可注册STAMPS用户ID，并通过STAMPS网站进行印花税评估和支付交易。个人所得税档案可通过<https://edaftar.hasil.gov.my> 进行电子注册。（资讯）

TERJEMAHAN BAHASA MELAYU

28 FEB. 2024 - Akhbar Nanyang Siang Pau

HASIL MEWAJIBKAN PELAKSANAAN STAMPS SEPENUHNYA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah menetapkan penggunaan e-Perkhidmatan secara mandatori mulai 1 Januari 2024. Ini sejajar dengan transformasi teknologi dan pendigitalan dalam sistem perkhidmatan percukaian. Keputusan ini dilakukan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pelanggan disamping menyokong hasrat kerajaan untuk menjadikan lebih banyak perkhidmatan dalam talian (*End-to-End/ E2E*) dan bagi memacu agenda pendigitalan ke seluruh negara.

Proses mandatori ini dilakukan berperingkat sejak 1 September 2023 dan melibatkan bantuan Pegawai Khidmat Pelanggan HASiL untuk membantu pembayar cukai yang hadir ke Kaunter Perkhidmatan HASiL beralih ke e-Perkhidmatan. Langkah ini diambil untuk memastikan akses mudah, selamat, dan pantas kepada para pembayar cukai, serta meningkatkan kecekapan perkhidmatan HASiL kepada pelanggan.

Bagi pembayaran cukai, HASiL menyokong penggunaan kaedah pembayaran dalam talian menggunakan ByrHASiL untuk memastikan keselamatan dan keteraturan transaksi.

e-Perkhidmatan lain yang diwajibkan ialah Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem (STAMPS) yang memberikan kemudahan dalam urusan taksiran dan pembayaran duti setem.

STAMPS yang telah ditambahbaik dengan teknologi dan pelbagai ciri baharu pada 16 Julai 2017 membantu dan memudahkan pengguna melakukan urusan penyeteman dokumen dibuat secara dalam talian. Antara penambahbaikan dalam perkhidmatan STAMPS adalah termasuk pemberitahuan status permohonan penyeteman melalui e-mel dan penambahan ciri jejak dan kesan. Penggunaan ID pengguna tunggal juga diperkenalkan untuk pelbagai peranan dan berkongsi rekod transaksi antara pengguna yang sama.

Penamatan penggunaan setem pelekot (Setem Hasil) dan mesin franking pos mulai 1 Januari 2024 merupakan proses peralihan yang diambil oleh HASiL bagi mewajibkan penggunaan perkhidmatan STAMPS dalam urusan taksiran dan pembayaran duti setem. Semua transaksi boleh dilakukan terus secara dalam talian melalui portal STAMPS di <https://stamps.hasil.gov.my> tanpa perlu hadir ke kaunter HASiL.

Individu yang mempunyai fail cukai pendapatan boleh mendaftar ID Pengguna STAMPS dan melakukan urusan taksiran serta pembayaran duti setem melalui portal STAMPS. Pendaftaran fail cukai individu juga boleh dilakukan melalui e-Daftar di <https://edaftar.hasil.gov.my>.